

NAMA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEROLEHAN
TAJUK SOP	PROSEDUR PRA KELAYAKAN PERUNDING BERDAFTAR PKNS (FIZIKAL / BUKAN FIZIKAL)
NO RUJUKAN SOPP	SOP-PER-004
NO PINDAAN SOPP	SOP-PER-001 (PINDAAN 1 - 2024)
TARIKH DIKELUARKAN	
MUKA SURAT	1

1.0 PUNCA KUASA

- 1.1 Bagi tujuan pematuhan terhadap prosedur operasi yang dibangunkan, prosedur ini perlu dibaca bersama Buku Peraturan Perakaunan dan Kewangan PKNS.
- 1.2 Mana-mana polisi dan tatacara yang dinyatakan di dalam Buku Peraturan Perakaunan dan Kewangan PKNS tersebut dianggap terpakai dan perlu dirujuk bagi membuat keputusan dan mengurus operasi kerja yang berkenaan.
- 1.3 Arahan Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)
- 1.4 Pekeliling Perbendaharaan Kerajaan Negeri Selangor
- 1.5 Dokumen Tadbir Urus Korporat PKNS

NAMA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEROLEHAN
TAJUK SOP	PROSEDUR PRA KELAYAKAN PERUNDING BERDAFTAR PKNS (FIZIKAL / BUKAN FIZIKAL)
NO RUJUKAN SOPP	SOP-PER-004
NO PINDAAN SOPP	SOP-PER-001 (PINDAAN 1 - 2024)
TARIKH DIKELUARKAN	
MUKA SURAT	2

2.0 POLISI BERKAITAN DENGAN PROSES KERJA INI

- 2.1 Proses Pra Kelayakan Perunding Berdaftar PKNS hendaklah dibuat dua (2) tahun sekali ataupun berdasarkan keperluan semasa bertujuan untuk pemilihan nama Perunding Berdaftar PKNS.
- 2.2 Terbahagi kepada Dua (2) Kategori perunding iaitu Perunding Fizikal dan Perunding Bukan Fizikal.
 - 2.2.1 Jenis perunding bagi Perunding Fizikal adalah seperti berikut:-
 - a. Arkitek, Arkitek Landskap, Kejuruteraan Awam dan Struktur, Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal, Ukur Bahan, Perancang Bandar dan Desa, Hiasan Dalaman, Alam Sekitar dan lain-lain perkhidmatan teknikal yang berkaitan dengan kejuruteraan dan/atau projek pembinaan antaranya menyediakan reka bentuk terperinci, penyediaan dokumen tender dan lain-lain;
 - b. Kerja-kerja ukur tanah dan kerja ukur khusus seperti hydrography, aerial photogrammetry, remote sensing dan lain-lain;
 - c. Kajian-kajian fizikal yang berkaitan dengan kerja-kerja kejuruteraan dan/atau projek pembinaan, antaranya kajian kemungkinan/kajian awalan kejuruteraan, kajian tebatan banjir/cerun, kajian rancangan tempatan/struktur, kajian EIA dan lain-lain.
 - 2.2.2 Jenis perunding bagi Perunding Bukan Fizikal pula adalah seperti berikut:-
 - a. Kajian kemungkinan, kajian ekonomi, kajian penswastan dan kajian-kajian lain;
 - b. Kajian berkaitan pengurusan seperti pengurusan sumber manusia, kewangan dan perakaunan, percukaian, pengurusan kualiti, perundangan, kerja-kerja audit kewangan, kerja-kerja audit pengurusan, teknologi maklumat dan komunikasi serta bidang-bidang pengurusan lain;
- 2.3 Setiap perunding hendaklah mencapai tidak kurang daripada **Lapan Puluh Peratus (80%)** markah wajaran bagi melayakkan perunding didaftarkan dalam Senarai Perunding Berdaftar PKNS.
- 2.4 Bahagian Perolehan boleh mengeluarkan perunding dari senarai Perunding Berdaftar PKNS sekiranya perkara-perkara berikut berlaku:-
 - i) Perunding menolak tawaran kerja PKNS setelah penawaran dibuat.
 - ii) Prestasi perunding tidak memuaskan (Dicadangkan daripada bahagian yang terlibat);
 - iii) Perunding terlibat dengan perkara-perkara jenayah contohnya seperti intergriti, rasuah dan sebagainya.
- 2.5 Perunding yang masih disenaraikan di dalam Senarai Perunding Berdaftar PKNS sedia ada yang tidak memperbaharui pendaftaran tetapi masih melaksanakan kerja-kerja tertentu, maka lantikan bagi skop / tempoh kerja tersebut masih sah sehingga tarikh tamat kerja.
- 2.6 Sila Rujuk SOPP/UND-010-PEG (Pelantikan Panel Peguam) yang disediakan oleh Bahagian Perundangan untuk Prosedur Lantikan sebagai Panel Peguam.

NAMA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEROLEHAN
TAJUK SOP	PROSEDUR PRA KELAYAKAN PERUNDING BERDAFTAR PKNS (FIZIKAL / BUKAN FIZIKAL)
NO RUJUKAN SOPP	SOP-PER-004
NO PINDAAN SOPP	SOP-PER-001 (PINDAAN 1 - 2024)
TARIKH DIKELUARKAN	
MUKA SURAT	3

3.0 PERATURAN DAN PROSES KERJA

- 3.1 Bagi proses Pra Kelayakan Perunding Fizikal, Ketua Bahagian bagi setiap Bahagian Sokongan perlu membuat permohonan Pra Kelayakan Perunding Berdaftar PKNS (Perunding Fizikal) ke Bahagian Perolehan. Permohonan hendaklah disertakan bersama-sama dengan Dokumen Pra Kelayakan Perunding Berdaftar PKNS. Bahagian Sokongan adalah seperti berikut:-

- | | |
|-------------------------------|--|
| a) Bahagian Ukur Hakmilik | e) Bahagian Ukur Bahan |
| b) Bahagian Perancang Fisikal | f) Bahan Mekanikal & Elektrikal |
| c) Bahagian Arkitek | g) Bahagian Arkitek Landskap dan Pertanian |
| d) Bahagian Struktur | |

- 3.2 Bagi proses Pra Kelayakan Perunding Bukan Fizikal, penyediaan Dokumen Pra Kelayakan Perunding Bukan Fizikal akan disediakan oleh Bahagian Perolehan.

- 3.3 Bahagian Perolehan akan mengiklankan permohonan Pra Kelayakan Perunding di suratkhbar dan laman sesawang PKNS dan juga eTender PKNS bagi sesi bertempoh dua (2) tahun. Iklan hendaklah disertakan dengan syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh pemohon.

Rujuk Lampiran 1 - Contoh Iklan Pra Kelayakan Perunding PKNS.

- 3.4 Perunding yang ingin berdaftar perlu membeli dokumen daripada Bahagian Perolehan setelah memenuhi syarat-syarat. Dokumen yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Bahagian Perolehan sebelum atau pada tarikh tutup permohonan.

- 3.5 Semua permohonan yang dihantar akan dimasukkan ke dalam peti tender dan seterusnya proses membuka peti tender akan dilakukan oleh Bahagian Perolehan. *Rujuk Lampiran 2 - Borang Buka Peti (Pra-Kelayakan Perunding).*

- 3.6 Bahagian Perolehan akan mengasingkan dokumen mengikut bidang perunding untuk diserahkan kepada Bahagian Sokongan yang berkaitan bagi penyediaan analisa penilaian perunding.

- 3.7 Analisa Penilaian Perunding akan dilaksanakan setelah proses membuka peti Pra Kelayakan Perunding dibuat. Markah wajaran akan diberi berdasarkan butiran profesional setiap perunding. Bagi melayakkan perunding disenaraikan dalam Senarai Perunding Berdaftar PKNS, perunding hendaklah mencapai sekurang-kurangnya Lapan Puluh peratus (80%) markah wajaran .

Rujuk Lampiran 3 - Contoh Wajaran Pra Kelayakan Perunding.

- 3.8 Analisa Penilaian Perunding akan disediakan oleh :

- | | | |
|----------------------------|---|----------------------------------|
| a) Perunding Fizikal | : | Bahagian Sokongan Yang Berkaitan |
| b) Perunding Bukan Fizikal | : | Bahagian Perolehan |
| c) Perunding Peguam | : | Bahagian Perundangan |

NAMA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEROLEHAN
TAJUK SOP	PROSEDUR PRA KELAYAKAN PERUNDING BERDAFTAR PKNS (FIZIKAL / BUKAN FIZIKAL)
NO RUJUKAN SOPP	SOP-PER-004
NO PINDAAN SOPP	SOP-PER-001 (PINDAAN 1 - 2024)
TARIKH DIKELUARKAN	
MUKA SURAT	4

3.0 PERATURAN DAN PROSES KERJA (SAMBUNGAN)

- 3.9 Setelah Analisa Penilaian Perunding selesai, Bahagian Sokongan perlu mengemukakan markah wajaran beserta borang wajaran yang telah dilengkapkan bagi setiap perunding yang menyertai Pra Kelayakan Perunding Berdaftar PKNS ke Bahagian Perolehan.
- 3.9 Bahagian Perolehan akan mengendalikan Mesyuarat Penilaian Pra Kelayakan Perunding (Bagi Perunding Fizikal sahaja) yang bertujuan bagi menyenarai pendek perunding yang layak didaftarkan sebagai Senarai Perunding Berdaftar PKNS.
- 3.10 Bahagian Perolehan akan menyediakan Senarai Perunding Berdaftar PKNS untuk kelulusan pihak berkuasa melulus seperti berikut:-
- a) Perunding Fizikal : Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)
 - b) Perunding Bukan Fizikal : Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat)
- Rujuk Lampiran 4 - Contoh Senarai Perunding Berdaftar PKNS.*

NAMA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEROLEHAN
TAJUK SOP	PROSEDUR PRA KELAYAKAN PERUNDING BERDAFTAR PKNS (FIZIKAL / BUKAN FIZIKAL)
NO RUJUKAN SOPP	SOP-PER-004
NO PINDAAN SOPP	SOP-PER-001 (PINDAAN 1 - 2024)
TARIKH DIKELUARKAN	
MUKA SURAT	5

4.0 TANGGUNGJAWAB

4.1 Jawatankuasa Pembuka Peti Tender

4.1.1 Keahlian :-

- Ahli Jawatankuasa Pembuka Peti Perunding hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) pegawai yang mana seorang daripadanya pegawai Kumpulan Pengurusan dan

4.1.2 Tanggungjawab Jawatankuasa Pembuka Peti Tender :-

- a. Membuka Peti Tender secepat mungkin selepas tarikh tutup.
- b. Setiap dokumen Pra Kelayakan yang diterima, dibuka dan disemak nombor siri dengan rekod penjualan dokumen.
- c. Nombor kod hendaklah diberi untuk setiap dokumen Pra Kelayakan dan dokumen sokongan yang dikemukakan serta ditandatangani ringkas.
- d. Ahli-Ahli Jawatankuasa Pembuka Peti Tender hendaklah menandatangani muka hadapan dokumen Pra Kelayakan.
- e. Jawatankuasa Pembuka Peti Tender yang telah dilantik akan membuka Peti Tender dan mengumpul Dokumen Pra Kelayakan beserta dokumen sokongan. Jadual Pra Kelayakan akan diisi dengan nama perunding dan disahkan benar oleh JK Pembuka Peti Tender. Nama dan jawatan semua ahli Pembuka Peti Tender hendaklah dicatatkan dalam borang Jadual Pra Kelayakan dan ditandatangani oleh setiap ahli.

NAMA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEROLEHAN
TAJUK SOP	PROSEDUR PRA KELAYAKAN PERUNDING BERDAFTAR PKNS (FIZIKAL / BUKAN FIZIKAL)
NO RUJUKAN SOPP	SOP-PER-004
NO PINDAAN SOPP	SOP-PER-001 (PINDAAN 1 - 2024)
TARIKH DIKELUARKAN	
MUKA SURAT	6

4.0 TANGGUNGJAWAB (Samb.)

4.2 Jawatankuasa Penilaian Pra Kelayakan Perunding

4.2.1 Keahlian (Bagi Perlantikan Perunding Fizikal) :-

- a. Ahli-Ahli yang terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf yang terdiri daripada :-

Pengerusi Mesyuarat

- i. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)

Ketua/Wakil Dari

- i. Pengarah Perancangan & Pengurusan Projek
- ii. Bahagian Ukur Hakmilik
- iii. Bahagian Perancang Fizikal
- iv. Bahagian Arkitek
- v. Bahagian Struktur
- vi. Bahagian Jurukur Bahan
- vii. Bahagian Mekanikal & Elektrikal
- viii. Bahagian Arkitek Landskap dan Pertanian

- 4.2.2 Korum bagi Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Pra Kelayakan Perunding hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada 3 orang termasuk Pengerusi.

4.2.3 Tanggungjawab Jawatankuasa Penilaian Pra Kelayakan Perunding :-

- a. Membuat penilaian secara terperinci bagi memastikan Analisa Penilaian Perunding yang dibuat adalah berasaskan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Dokumen Pra Kelayakan Perunding.
- b. Membuat pengesyoran perunding yang layak dipertimbangkan bagi disenaraikan di dalam Senarai Perunding Berdaftar PKNS.